

## Memo SPSB & Kumpulan

---

**Kepada :** Kakitangan Sinergi Perdana Sdn Bhd & Kumpulan      **Daripada:** Mohd Ihwan bin Sudim  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

**Ruj. :** SPSB/MEMO/02/2020 (12)      **Tarikh:** 28 Februari 2020

**Perkara:** **KEMASKINI PENGGUNAAN IMBASAN CAP IBU JARI (THUMB PRINT) UNTUK REKOD MASUK DAN KELUAR KAKITANGAN SINERGI PERDANA SDN BHD (SPSB) DAN KUMPULAN**

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan memo nombor rujukan SPSB/MEMO/02/2018(02) bertarikh 15 Februari 2018 adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sinergi Perdana Sdn Bhd Bil.2/2020 telah bersetuju untuk menggunakan satu sahaja sistem imbasan "Thumb Print" untuk memastikan keselamatan Syarikat dan mengawal sistem keluar masuk kakitangan.

3. Dengan ini pihak pengurusan dapat menyeragamkan penggunaan sistem rekod masuk dan keluar kakitangan SPSB dan Kumpulan. Semua kakitangan boleh menggunakan mesin "Thumb Print" yang terletak di Pejabat Pengawal Keselamatan pintu utama SPSB berkuat kuasa 1 Mac 2020.

4. Setiap kakitangan SPSB dan Kumpulan adalah diwajibkan untuk menggunakan "Thumb Print" berdasarkan perkara - perkara berikut:

- i. Datang dan pulang dari tempat kerja
- ii. Waktu rehat sekiranya keluar dari kawasan pejabat dan kilang
- iii. Kerja, tugas atau mesyuarat di luar kawasan pejabat dan kilang

5. Bagi perkara di para 'iii' pekerja yang terlibat perlulah memaklumkan kepada Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Diharapkan semua kakitangan dapat mengikut peraturan yang telah dinyatakan seperti di atas.

Terima kasih.

Yang benar,  
**SINERGI PERDANA SDN BHD**

  
**MOHD IHWAN BIN SUDIM**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan